

06 OCT 2003

Mahathir-Tiba

DR MAHATHIR TIBA DI BALI BAGI SIDANG KEMUNCAK ASEAN

Oleh: Openg Onn

BALI, 6 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tiba di sini hari ini bagi menghadiri Sidang Kemuncak Asean Ke-9 semalam dua hari yang bermula esok di Nusa Dua, sebuah daripada daerah pelancongan yang terkenal dengan keindahan pantai dan pusat peranginan di Bali.

Jet eksekutif kerajaan yang membawa Dr Mahathir yang diiringi isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, mendarat di Lapangan Terbang Antarabangsa Ngurah Rai, kira-kira 10 km di barat daya Denpasar, ibu negeri wilayah Bali, pada 2.10 petang (sama dengan waktu Malaysia).

Menteri Teknologi dan Penyelidikan Indonesia Hatta Rajasa, yang mengetuai sekumpulan pegawai tempatan untuk menyambut ketibaan mereka, naik ke pesawat untuk menjemput Perdana Menteri dan Dr Siti Hasmah.

Turut berada di lapangan terbang untuk menyambut ketibaan mereka ialah Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar, Menteri di Jabatan Perdana Menteri Tan Sri Bernard Dompok, Ketua Setiausaha Kementerian Luar Tan Sri Fuzi Abdul Kadir dan Duta Malaysia ke Indonesia Datuk Hamidon Ali.

Mereka kemudiannya berlepas ke sebuah hotel terkemuka di Nusa Dua, yang terletak kira-kira 20 km dari lapangan terbang itu, tempat penginapan mereka semasa sidang kemuncak itu yang akan berlangsung di Pusat Konvensyen Antarabangsa Bali (BICC) berdekatan.

Dr Mahathir mempunyai jadual padat semasa sidang kemuncak itu. Aturcara pertamanya ialah mengunjungi Presiden Megawati Sukarnoputri, pada tengah hari ini di BICC.

Kemudian beliau akan menerima kunjungan Perdana Menteri Myanmar Jeneral Khin Nyunt diikuti oleh Setiausaha Agung Asean Ong Keng Yong.

Malam ini beliau bersama-sama pemimpin Asean lain akan menghadiri majlis makan malam rasmi, acara permulaan sebelum Sidang Kemuncak Asean, yang terakhir dihadiri beliau sebagai Perdana Menteri Malaysia sebelum beliau bersara pada hujung bulan ini.

Selepas jamuan malam itu, Dr Mahathir, Megawati dan Perdana Menteri Thailand Thaksin Sinawitra, akan menyaksikan pemeteraian perjanjian pemegang-pemenang saham bagi penubuhan syarikat getah tiga pihak antarabangsa.

Syarikat itu, sebuah konsortium yang bertujuan menstabilkan harga komoditi itu di pasaran antarabangsa, akan dimiliki oleh tiga negara pengeluar getah utama dunia -- Indonesia, Thailand dan Malaysia.

Pada majlis itu, Malaysia akan diwakili Menteri Perusahaan Utama Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik.

-- BERNAMA

OPP KHY RHM